



MAKLUMAT PRODUK SECARA UMUM

Apakah Ramuan Minuman Tenaga Red Bull®?

Semua ramuan minuman Tenaga Red Bull® disenaraikan pada tin minuman.

	RBB	RBG	RBX
Jumlah Kandungan	150 ml	250 ml	250 ml
Gula (Sukrosa, Fruktosa)	27 g	41 g	30.7 g
Taurina	1000 mg	1000 mg	1000 mg
Glucuronolactone	400 mg	400 mg	400 mg
Kafeina	30 mg	50 mg	50 mg
Vitamin			
Niasin B3	20 mg	20 mg	20 mg
Vitamin B6	4 mg	4 mg	4 mg
Asid Pantotenik B5	5 mg	5 mg	5 mg
Vitamin B12	4 mcg	4 mcg	4 mcg

Selain itu, ia juga mengandungi inositol, asid sitrik/natrium sitrat¹ sebagai pengasid, pewarna dan perisa.

1. Taurina

Satu tin Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi 1000 mg taurina.

Taurina ialah asid amino “perlu bersyarat”. Taurina wujud secara semula jadi di dalam badan kita, terutamanya di dalam otot, otak, jantung dan darah. Seseorang yang berat badannya 70 kg mempunyai kira-kira 70 g taurina tersebar di seluruh badannya. Dengan kata lain, seseorang yang seberat 70 kg mempunyai 70 kali jumlah taurina yang terkandung di dalam satu tin Minuman Tenaga Red Bull®. Taurina juga boleh didapati dalam diet harian (kapis, ikan, ayam itik) dan kebanyakan rumusan bayi.

“Perlu bersyarat” bermaksud bahawa dalam keadaan tertentu, adalah perlu untuk membekalkan taurina kepada badan. Kehilangan taurina secara relatif melalui kencing boleh berlaku dalam keadaan stres yang melampau serta penggunaan tenaga fizikal yang banyak. Dalam keadaan seperti ini, pembuangan taurina melalui kencing bertambah, dan taurina tidak dapat disintesis dalam jumlah yang secukupnya di dalam badan.

Taurina ialah asid amino bukan pembina protein.

2. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi protein?

Minuman Tenaga Red Bull® tidak mengandungi protein. Biasanya, asid amino adalah sebahagian daripada protein. Taurina adalah terkecuali kerana ia bukan asid amino pembina protein. Walaupun ia mempunyai struktur kimia asid amino tetapi ia bukan konstituen protein.

¹Jika penglabelan mandatori diperlukan bagi natrium (contohnya, AS, Australia, New Zealand, Israel, Mexico) dan akan datang di semua negara lain.



3. **Adakah taurina diperbuat daripada testikel lembu jantan? Adakah taurina itu terbitan testikel atau mani lembu jantan?**

Taurina ialah bahan sintetik tulen yang dihasilkan oleh syarikat farmaseutikal dan ia bukan diperoleh daripada haiwan atau bahan haiwan.

4. **Fungsi taurina di dalam badan**

Taurina terlibat dalam

- *Pentermokawalaturan*: Taurina membantu menjaga suhu badan. Contohnya, apabila anda bersukan, badan anda akan menjadi panas. Taurina membantu melaraskan suhu badan supaya badan anda tidak menjadi terlalu sejuk atau terlalu panas.
- *Pengawalan stres*: Penyelidikan terbaru menunjukkan bahawa Taurina boleh memainkan peranan yang signifikan dalam pengawalan stres.
- Taurina telah terbukti dapat meningkatkan *prestasi jantung*.
- Taurina telah terbukti dapat menggalakkan *detoksifikasi* dengan mengikat bahan berbahaya dan seterusnya mempercepat pembuangannya.

5. **Glucuronolactone**

Satu tin Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi 400 mg glucuronolactone.

Glucuronolactone ialah sejenis karbohidrat berbentuk gula. Ia wujud secara semula jadi di dalam badan kita yang dihasilkan daripada glukosa. Ia juga wujud dalam pelbagai bahan makanan seperti bijian atau wain merah.

6. **Fungsi glucuronolactone di dalam badan**

Glucuronolactone melakukan *fungsi detoksifikasi* di dalam badan. Ia membantu menyingkirkan bahan buangan yang dihasilkan di dalam badan (endogen) atau diserap dari persekitaran (eksogen). Bahan buangan/toksin diikat oleh glucuronolactone, lalu menjadikannya larut air dan seterusnya dapat disingkirkan secara mudah melalui ginjal. Glucuronolactone bertindak sebagai pengantara dalam proses detoksifikasi dengan menstabilkan sebatian bertoksik supaya sebatian itu tidak dapat diserapkan semula ketika melalui laluan penyingkiran tersebut.

7. **Kafeina**

Kafeina terkandung di dalam kebanyakan bahan makanan seperti kopi, teh atau coklat. Satu tin Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi 50 mg kafeina yang bersamaan dengan satu cawan kopi bertapis. Coke mengandungi kira-kira 35 mg kafeina bagi setiap tin 12 auns (kira-kira 350ml). Diet Coke mempunyai kandungan kafeina yang lebih tinggi, iaitu kira-kira 47 mg setiap tin 12 auns.



8. Fungsi kafeina di dalam badan

- Pengambilan kafeina secara sederhana dikenal pasti mampu merangsang fungsi psikologi dan fisiologi- meningkatkan kepantasan tindak balas dan kecerdasan/kewaspadaan.
- Kafeina merangsang pembakaran lemak semasa aktiviti ketahanan maka dengan itu ia membantu menggunakan lemak yang tersimpan di dalam badan untuk membekalkan tenaga di samping mengekalkan simpanan glikogen. Ini bermakna pengambilan kafeina pada masa aktiviti ketahanan mampu membekalkan tenaga dengan lebih efisien, terutamanya dalam lanjutan penggunaan tenaga ia menunjukkan penambahbaikan yang nyata dari segi prestasi dan ketahanan.

9. Karbohidrat

Kandungan gula dan nilai kalori untuk Minuman Tenaga Red Bull®

	RBB	RBG	RBX
Gula (Sukrosa dan fruktosa)	27 g	41 g	30.7 g
Kalori	102.9kcal	166.8kcal	125.1kcal

10. Fungsi karbohidrat di dalam badan

a. Apakah faedah sukrosa?

Sukrosa ialah sejenis gula yang lambat dibakar kerana ia perlu diuraikan kepada Glukosa dan Fruktosa sebelum ia boleh digunakan sebagai sumber tenaga. Dengan itu, sukrosa bertindak sebagai penyimpan tenaga jangka pendek di dalam badan. Sukrosa membekalkan tenaga apabila penyimpanan glikogen badan sudah kehabisan.

11. Inositol

Inositol ialah sejenis karbohidrat. Ia merupakan konstituen semula jadi badan yang dihasilkan daripada glukosa. Inositol juga terdapat dalam bahan makanan seperti bijian, buah sitrus, hati, kismis, kacang tanah, kubis.

12. Fungsi inositol di dalam badan

Inositol terlibat dengan proses detoksifikasi (lihat taurina dan glucuronolactone untuk keterangan lanjut).



13. Vitamin

Minuman Bertenaga Red Bull® mengandungi

Niasin B3	20 mg
Vitamin B6	4 mg
Asid Pantotenik B5	5 mg
Vitamin B12	4 mcg

Vitamin ialah mikronutrien penting yang diperlukan untuk mengekalkan fungsi fizikal. Vitamin B memainkan peranan yang penting dalam metabolisme tenaga (penyimpanan dan penguraian karbohidrat, lemak dan protein). Vitamin B yang terkandung di dalam Minuman Tenaga Red Bull® memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan prestasi ketahanan mental dan fizikal. Kekurangan vitamin B akan menjejaskan kedua-dua keupayaan mental dan fizikal.

14. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® sama di seluruh dunia?

Komposisi dan kandungan Minuman Tenaga Red Bull® adalah sama di seluruh dunia, kecuali sedikit variasi dari segi kandungan vitamin dan kafeina disebabkan peraturan nasional di negara yang terlibat.

15. Bagaimanakah kandungan Minuman Tenaga Red Bull® dihasilkan? Dari manakah bahan ini diperoleh?

Semua bahan yang digunakan dalam Minuman Tenaga Red Bull® dihasilkan secara sintetik. Kebanyakan bahannya dihasilkan oleh syarikat farmaseutikal, dan ini menjamin kualitinya yang unggul.

16. Di manakah Minuman Tenaga Red Bull® dikilangkan?

Red Bull Botol dikilangkan di Shah Alam, Malaysia sementara RBG & RBX pula dikilangkan dan diimport dari Thailand.

17. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi sebarang bahan haiwan?

Minuman Tenaga Red Bull® tidak mengandungi apa-apa bahan yang diperbuat atau diperolehi mahupun diekstrak daripada haiwan.

18. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi sebarang bahan tumbuhan?

Minuman Bertenaga Red Bull® tidak mengandungi sebarang tumbuhan atau bahan tumbuhan.

19. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® sesuai untuk vegetarian?

Minuman Tenaga Red Bull® sesuai untuk vegetarian. Minuman Tenaga Red Bull® tidak mengandungi sebarang produk haiwan atau bahan yang diperolehi daripada haiwan.

20. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® halal?

Minuman Tenaga Red Bull® adalah halal.



21. Adakah Minuman Tenaga Red Bull®

- **Organik?** Tidak, Minuman Tenaga Red Bull® bukan organik. Produk organik hanya mengandungi ramuan (organik) tertentu sahaja; untuk menghasilkan produk yang demikian, kaedah dan proses tertentu harus dilaksanakan.
- **Bebas Gluten?** Ya, ia bebas gluten.
- **Vegan?** Ya, ia vegan.
- **Bebas Gandum?** Ya, ia bebas gandum.
- **Bebas tenusu?** Ya, ia bebas tenusu.

22. Adakah Minuman Tenaga Red Bull Dipasteurkan?

Minuman Tenaga Red Bull® dipasteurkan. Pempasteuran ialah satu proses pemanasan yang perlahan ketika produk itu sudah pun diisi di dalam tin dan dikedapkan, dipanaskan untuk beberapa minit bagi mengelakkan kerosakan mikrobiologi demi menjamin jangka hayat di rak selama 2 tahun.

23. Apakah perbezaan antara Minuman Tenaga Red Bull® dengan minuman sukan seperti Lucozade Sport atau Isostar? Apakah minuman isotonik/hipertonik?

Biasanya kami tidak membandingkan Minuman Tenaga Red Bull® dengan minuman sukan seperti 100 Plus, Excel, Revive dan Gatorade. Ini kerana komposisi dan ramuan minuman tersebut berbeza, maka fungsinya juga berbeza. Minuman Tenaga Red Bull® ialah minuman untuk tenaga sementara 100Plus, Excel, Revive, Gatorade ialah minuman sukan isotonik.

Minuman Tenaga Red Bull® dibuat untuk membekalkan tenaga, sebab itulah ia mengandungi jumlah karbohidrat yang tinggi. Paras tenaganya yang tinggi menjadikan Minuman Tenaga Red Bull® sejenis minuman hipertonik. Ini bermakna keosmolalannya, iaitu ukuran bilangan zarah dalam larutan, adalah lebih tinggi berbanding dengan cecair badan. Untuk acara jarak jauh, paras tenaga yang tinggi diperlukan dan minuman hipertonik diminum sebelum, semasa dan selepas bersenam untuk memenuhi keperluan tenaga. Jika diminum semasa bersenam, minuman hipertonik perlu diminum bersama air untuk menggantikan cecair yang hilang melalui peluh.

Sebaliknya, minuman sukan dirumus untuk membekalkan penghidratan semula. Minuman sukan adalah isotonik yang bermaksud keosmolalannya, iaitu bilangan zarah di dalam larutan, adalah seimbang dengan cecair badan. Dalam minuman, zarah-zarah ini mengandungi karbohidrat dan elektrolit (mineral seperti klorida, kalsium, fosfat, magnesium, natrium dan kalium).

Biasanya minuman sukan tidak mengandungi bahan ergogenik (penggalak prestasi) seperti kafeina atau taurina.



24. Bolehkah setiap orang minum Minuman Tenaga Red Bull®?

Kami sedar bahawa kesensitifan adalah berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Oleh itu, kami menyenaraikan semua kandungannya pada tin. Bagaimanapun, golongan yang berikut ini tidak digalakkan minum Minuman Tenaga Red Bull® atau mereka seharusnya mendapatkan nasihat perubatan sebelum minum Minuman Tenaga Red Bull®.

- **Orang yang sensitif kafeina.** Ada sesetengah orang yang sensitif terhadap kafeina. Memandangkan Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi kafeina, maka orang yang sensitif kafeina tidak patut minum Minuman Tenaga Red Bull®.
- **Wanita hamil.** Doktor perubatan biasanya menasihati wanita mengurangkan pengambilan kafeina semasa hamil dan menyusukan anak kerana pembuangan kafeina adalah lebih perlahan dalam kalangan wanita hamil dan juga janin, maka kafeina tersimpan lebih lama di dalam badan mereka. Oleh sebab itu, kami menasihati wanita hamil supaya berbincang dengan doktor mereka sebelum minum Minuman Tenaga Red Bull®.
- **Kanak-kanak.** Kafeina tidak disyorkan untuk kanak-kanak kecil kerana mereka lebih sensitif kepada kafeina berbanding orang dewasa. Maka itu, kanak-kanak tidak digalakkan minum Minuman Tenaga Red Bull®.

25. Pada umur berapakah seseorang itu sesuai minum Minuman Tenaga Red Bull®?

Pada umur yang sama ketika sesuai minum kopi. Manusia mempunyai kesensitifan yang berbeza terhadap kafeina; pengambilan Minuman Tenaga Red Bull® secara harian sepatutnya menurut pengambilan kafeina orang itu dan begitu juga dengan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, secara umumnya, kanak-kanak adalah lebih sensitif terhadap kafeina berbanding orang dewasa, sebab itulah kami tidak mengesyorkan Minuman Tenaga Red Bull® kepada individu yang sensitif kafeina termasuk kanak-kanak.

26. Berapa tin Minuman Tenaga Red Bull® boleh anda minum sehari? Berapa tin Minuman Tenaga Red Bull® boleh saya minum sekali gus?

Minuman Tenaga Red Bull® ialah minuman fungsional dan bukan penghilang dahaga. Biasanya anda boleh membandingkan ketercernaannya dengan kopi, dan ini merupakan panduan yang bagus untuk jumlah yang anda boleh minum. Adalah disyorkan bahawa pengambilan harian Minuman Tenaga Red Bull®, termasuk pengambilan sekali gus, sepatutnya terikat dengan pengambilan kafeina seseorang dan keadaan ini berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Kafeina di dalam satu tin Red Bull adalah sama dengan satu cawan kopi bertapis.



ISU KESELAMATAN

1. Siapakah yang telah menjalankan pemeriksaan dan melapor tentang Minuman Tenaga Red Bull®?

Ahli sains dan doktor dalam bidang toksikologi, perubatan dalaman dan psikologi serta doktor sukan terkenal dan pihak berkuasa kesihatan daripada pelbagai bidang kuasa telah memeriksa ramuan Minuman Tenaga Red Bull® dan memutuskan bahawa produk dan ramuannya adalah selamat diminum oleh manusia. Dengan itu, pemasaran Minuman Tenaga Red Bull® telah dibenarkan dan Minuman Tenaga Red Bull® kini dijual di lebih daripada 60 negara di seluruh dunia, termasuk Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

2. Pernahkah Minuman Tenaga Red Bull® diharamkan di mana-mana negara?

Red Bull tidak pernah diharamkan di mana-mana negara. Hanya terdapat tempat-tempat yang belum membenarkan penjualannya lagi. Ia mengambil masa yang panjang untuk suatu produk yang baru, dengan ramuan khas dan komposisi yang kompleks, untuk melalui semua saluran rasmi. Walau bagaimanapun, tidak ada pihak berkuasa di dunia ini yang telah menjumpai atau membuktikan sebarang kesan tidak sihat di dalam atau daripada Minuman Tenaga Red Bull®.

Red Bull sedang aktif dalam prosiding untuk mendapatkan kebenaran pemasaran di pelbagai negara, termasuk Perancis, Denmark dan Norway. Sesetengah daripada negara ini mempunyai polisi nutrisi yang ketat berkenaan dengan suplemen bahan makanan yang mengandungi ramuan tertentu seperti vitamin, mineral dan asid amino. Bukan sahaja Red Bull, malah pengeluar bahan makanan lain seperti bijirin dan gula-gula juga menghadapi kesukaran dalam memasarkan produk mereka di negara-negara ini. Oleh sebab itu, gula-gula dari Jerman mungkin tidak diimport ke dalam Perancis dan sesetengah bijirin seperti Kellogg's mungkin tidak diimport ke dalam Norway tanpa formula yang khas. Oleh itu, kekangan pemasaran yang dihadapi oleh Minuman Tenaga Red Bull® di negara-negara ini adalah bersifat pengawalan dan tidak menunjukkan atau menandakan bahawa wujudnya sebarang masalah kesihatan atau keselamatan.

3. a) Bukankah terdapat kes kematian akibat Red Bull di Sweden?

Pada musim panas tahun 2001, seorang doktor di Sweden mencetuskan ketakutan awam tetapi beliau gagal menunjukkan sebarang bukti bahawa minuman kami adalah berbahaya dalam apa cara sekalipun. Hospital Sweden di mana beliau bertugas mengesahkan kepada Red Bull bahawa tidak terdapat sebarang hubungan antara kes yang disebut oleh beliau dengan pengambilan Minuman Tenaga Red Bull® dan tidak terdapat sebarang bukti bahawa minuman tenaga secara umumnya berbahaya. Pihak Berkuasa Makanan Kebangsaan Sweden mengesahkan bahawa adalah sah untuk meneruskan jualan Minuman Tenaga Red Bull® di Sweden.

b) Bukankah Red Bull dikaitkan dengan satu kematian di Ireland?

Inkues kematian pemuda di Ireland membuktikan bahawa tidak terdapat sebarang hubungan antara kematiannya dengan pengambilan Minuman Tenaga Red Bull®. Koroner itu berkata:- "*Kami tidak mendengar bukti hari ini yang menunjukkan bahawa konstituen Red Bull atau campuran konstituen itu adalah bertoksik dan boleh menyebabkan apa-apa*" dan pihak juri sebulat suara memutuskan kes itu sebagai *Sindrom Kematian Dewasa Tidak Dapat Diterangkan*.



4. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® menyebabkan ketagihan?

Minuman Tenaga Red Bull® tidak menyebabkan ketagihan dan tidak mengandungi sebarang bahan yang menagihkan. Kedua-dua taurina dan glucuronolactone adalah konstituen semula jadi badan manusia dan juga hadir dalam bahan makanan yang lain seperti kapis dan wain merah. Kafeina terkandung dalam bahan makanan seperti kopi, teh atau coklat. Terdapat kesepakatan saintifik bahawa kafeina tidak menagihkan.

Dr. Haller, profesor psikiatri, seorang pakar terkenal antarabangsa mengesahkan bahawa Minuman Tenaga Red Bull® tidak mengandungi bahan menagihkan dan Red Bull, seperti kopi, mempunyai kesan perangsang.

5. Bolehkah anda terlebih dos dengan Minuman Tenaga Red Bull®?

Minuman Tenaga Red Bull® ialah minuman fungsional dan bukan penghilang dahaga. Biasanya, anda boleh membandingkan keterhadamannya dengan kopi, dan ini merupakan panduan yang baik untuk anda tentang kuantiti Red Bull yang boleh anda minum. Kami syorkan pengambilan harian Minuman Tenaga Red Bull® anda mengikut pengambilan kafeina anda; dan kuantitinya berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Kafeina di dalam satu tin Minuman Tenaga Red Bull® adalah bersamaan dengan satu cawan kopi bertapis.

6. Bolehkah saya mencampurkan Minuman Tenaga Red Bull® dengan alkohol?

Minuman Tenaga Red Bull® ialah minuman tidak beralkohol, walau bagaimanapun, sesetengah pengguna suka mencampurkannya dengan pelbagai jenis alkohol. Kami tidak menggalakkan Minuman Tenaga Red Bull® dicampur dengan alkohol kerana tindakan ini boleh menjejaskan kesan positif Minuman Tenaga Red Bull® seperti yang diiklankan. Namun demikian, tidak terdapat sebarang tanda yang menunjukkan bahawa Minuman Tenaga Red Bull® mempunyai apa-apa kesan (negatif atau positif) yang berkaitan dengan pengambilan alkohol.

Tidak ada sebab mengapa Minuman Tenaga Red Bull® tidak boleh dicampur dengan alkohol seperti minuman lain asalkan pengguna tidak meremehkan kemungkinan pengambilan alkohol boleh menjejaskan aktiviti mental dan fizikal mereka. Minuman Tenaga Red Bull® tidak dirumus untuk mengatasi masalah ini. Semua orang maklum bahawa pengambilan alkohol secara berlebihan atau secara tidak bertanggungjawab boleh membawa kesan mudarat kepada kesihatan dan tingkah laku manusia, dan orang ramai harus faham bahawa akibat ini adalah berpunca daripada minuman beralkohol, bukan pencampurannya, sama ada kola, jus oren, tonik atau apa-apa yang dicampur dengan alkohol.

7. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® sesuai sebagai pengganti cecair?

Tidak, Minuman Tenaga Red Bull® ialah minuman tenaga. Ia tidak dirumus untuk memberikan penghidratan semula.

Pengambilan cecair yang secukupnya adalah penting pada masa menjalankan aktiviti fizikal yang kuat dan lama. Tanpa pengambilan cecair yang secukupnya, aktiviti fizikal yang kuat mungkin menyebabkan penyahhidratan. Memandangkan Minuman Tenaga Red Bull® tidak dirumus untuk memberikan penghidratan semula; kami menggalakkan mereka yang terlibat dengan sukan supaya minum air yang banyak semasa menjalankan senaman yang kuat.



8. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® mempunyai ciri diuretik?

Memandangkan Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi kafeina, ia mempunyai sifat diuretik. Diuretik ialah sejenis bahan yang meningkatkan pengaliran urin (mempercepat penyingkiran cecair dari badan).

Satu tin Minuman Tenaga Red Bull® (250 ml) mengandungi 50 mg kafeina, iaitu kira-kira jumlah yang sama seperti yang terkandung di dalam satu cawan kopi bertapis. Tiada bahan lain di dalam Minuman Tenaga Red Bull® yang mempunyai kesan penyahhidratan.

9. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® mempunyai kesan penyahhidratan berhubung dengan sukan atau apabila ia dicampurkan dengan alkohol?

Minuman Tenaga Red Bull® tidak menyebabkan penyahhidratan bagi pengguna normal. Ia mengandungi jumlah kafeina yang sama seperti yang terkandung dalam secawan kopi biasa; tidak ada lagi benda lain di dalam Minuman Tenaga Red Bull® yang mempunyai kesan penyahhidratan atau sebagainya.

Minuman Tenaga Red Bull® ialah sejenis minuman tenaga, bukan penghilang dahaga. Berjuta-juta orang menggunakannya sebagai pembekal tenaga sebelum, semasa dan selepas bersenam. Dalam semua sukan ketahanan yang lama, adalah penting untuk minum air yang secukupnya bagi mengelakkan penyahhidratan. Jadi, sama ada anda minum atau tidak Minuman Tenaga Red Bull®, anda perlu minum air dalam keadaan sedemikian.

Seperti yang sedia maklum oleh kebanyakan orang, pengambilan alkohol yang banyak boleh membawa kepada kesan penyahhidratan. Walau bagaimanapun, Minuman Tenaga Red Bull® ialah minuman tidak beralkohol. Sebarang kesan negatif adalah disebabkan oleh alkohol, bukan pencampurannya, sama ada kola, jus oren, tonik ataupun apa-apa yang dicampurkan dengan alkohol.

10. Adakah Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi sebarang bahan dadah? Memandangkan ia mengandungi kafeina, tidakkah Minuman Tenaga Red Bull® menjadi minuman yang diharamkan untuk ahli sukan profesional?

Minuman Tenaga Red Bull® tidak mengandungi sebarang bahan dadah ataupun diharamkan untuk kegunaan ahli sukan profesional. Pada 2003, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) mengeluarkan kafeina daripada senarai bahan dadah.

11. Pernahkah Minuman Tenaga Red Bull® diharamkan oleh mana-mana badan sukan?

Minuman Tenaga Red Bull® tidak pernah diharamkan oleh mana-mana badan sukan. (Nota: Pernah dilaporkan pada tahun 2001 bahawa The Jockey Club di UK telah mengharamkan penggunaan Minuman Tenaga Red Bull® oleh atletnya kerana jumlah efedrina yang terkandung di dalam Red Bull, namun dakwaan itu dihentikan kerana Minuman Tenaga Red Bull® tidak mengandungi sebarang efedrina.)



SOALAN TENTANG KEBERKESANAN

1. Apakah kesan-kesan Minuman Tenaga Red Bull®?

Minuman Tenaga Red Bull®:

- Meningkatkan ketahanan fizikal
- Meningkatkan konsentrasi dan kepantasan tindak balas
- Memperbaiki tahap kewaspadaan/kecerdasan
- Memperbaiki status emosi
- Merangsang metabolisme

Minuman Tenaga Red Bull® ialah sejenis pentenaga, dihasilkan khususnya untuk tempoh stres dan tegangan mental dan fizikal. Ia boleh diminum hampir dalam semua keadaan: semasa bersukan, bekerja, semasa memandu dan juga ketika menjalani aktiviti senggang.

2. Apakah bukti dakwaan Minuman Tenaga Red Bull®?

Pertama, pengalaman secara langsung oleh berjuta-juta orang yang tahu bahawa Red Bull® berkesan untuk mereka.

Selain itu, dakwaan Minuman Tenaga Red Bull® telah disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Banyak kajian saintifik dalam bidang perubatan sukan, perubatan dalaman dan psikologi mengesahkan dakwaan yang dibuat untuk Minuman Tenaga Red Bull®. Semua kajian saintifik telah disemak semula oleh pihak setaraf, diterbitkan dan boleh dijumpai dalam pangkalan data awam.

3. Bilakah Minuman Tenaga Red Bull® patut diminum?

Pada bila-bila masa anda perlu menambahkan tenaga atau konsentrasi!

Untuk merasakan kesan terbaiknya, anda seharusnya minum Red Bull® ketika hendak menambahkan bebanan mental dan fizikal; contohnya ketika berasa mengantuk memandu di lebuhraya yang berterusan, pada hari-hari anda perlu bekerja secara intensif, sebelum menghadapi aktiviti olahraga yang memerlukan tenaga yang banyak atau sebelum ujian dan peperiksaan.

Anda disyorkan supaya minum satu tin Minuman Tenaga Red Bull® lebih kurang 30 minit sebelum memulakan tugas konsentrasi atau bermulanya perlumbaan atau perlawanan dalam sukan. Inilah jangka masa ramuan Minuman Tenaga Red Bull® menjadi berkesan di dalam badan.



4. **Bagaimanakah Minuman Tenaga Red Bull® seharusnya digunakan dalam sukan? Bilakah patut saya minum Minuman Tenaga Red Bull® ketika bersukan?**

Penggunaan Minuman Tenaga Red Bull® ketika bersukan adalah berbeza-beza, bergantung pada atlet dan jenis sukan yang disertai. Minuman Tenaga Red Bull® boleh diminum sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal.

- **Sebelum:** Ramai atlet minum 1 tin Minuman Tenaga Red Bull® setengah jam sebelum memulakan latihan atau pertandingan – ia membolehkan mereka fokus dan memastikan tindak balas yang pantas.
- **Semasa:** Mereka yang beraksi dalam sukan ketahanan lasak selalunya memilih untuk minum 1-2 tin Minuman Tenaga Red Bull® semasa beraktiviti di samping minum jumlah air yang secukupnya. Amalan ini selalunya memberi manfaat kepada pasukan sukan yang mempunyai rehat separuh masa.
- **Selepas:** Atlet lain minum 1 tin Minuman Tenaga Red Bull® selepas pertandingan atau sesi latihan untuk membantu pemulihan.

Minuman Tenaga Red Bull® mengandungi kafeina, oleh itu ia tidak seharusnya diminum berlebihan (< 4 tin) sebelum bersukan. Ia BUKAN pengganti cecair dan tidak dihasilkan untuk memberikan penghidratan semula. Air sepatutnya diminum sebagai tambahan kepada Minuman Tenaga Red Bull® semasa bersenam.



Red Bull® 25% Kurang Gula

Soalan Lazim Pengguna

1. **Berapakah kalori yang terkandung di dalam Red Bull®25% Kurang Gula?**

Satu tin Red Bull®25% Kurang Gula mengandungi 125.1 kcal.

2. **Adakah perbezaan dari segi rasa?**

Bukanlah rasa tetapi keberkesanan yang menjadi faktor utama ketika minum Red Bull®. Rasa Red Bull®25% Kurang Gula adalah sangat hampir dengan Minuman Tenaga Red Bull®. Cubalah sendiri!

Keberkesanan dan Fungsi

1. **Adakah Red Bull®25% Kurang Gula mempunyai kesan yang sama seperti Minuman Tenaga Red Bull®?**

Minuman Tenaga Red Bull® dan Red Bull®25% Kurang Gula adalah produk fungsional yang telah dihasilkan untuk ketika-ketika menghadapi stres atau bebanan yang bertambah. Kedua-duanya boleh diminum dalam hampir semua keadaan: semasa senaman fizikal, ketika memandu dan ketika menjalankan aktiviti masa senggang. Secara khususnya, kesan Red Bull®25% Kurang Gula adalah seperti yang dihuraikan di bawah ini:

- Meningkatkan prestasi
- Memperbaiki dan meningkatkan konsentrasi dan kepantasan tindak balas
- Memperbaiki kewaspadaan
- Merangsang metabolisme

2. **Mengapakah perkataan “minuman tenaga” tidak dipaparkan pada tin? Adakah ia masih merupakan minuman tenaga?**

Terdapat dua sebab:

- Kami memutuskan untuk menggantikan perkataan ‘minuman tenaga’ dengan ‘25% kurang gula’ di label depan untuk memudahkan pengguna kami membezakan dua produk itu.
- Minuman tenaga dihuraikan menurut undang-undang sebagai minuman yang memberikan sekurang-kurangnya 45 kcal (190 kJ) per 100 ml dan boleh mengandungi ramuan aktif seperti taurina, glucuronolactone dan vitamin-vitamin. Di kebanyakan negara, “minuman tenaga” memerlukan kandungan karbohidrat (gula) yang minimum untuk sah menggunakan istilah ‘minuman tenaga’. Walau bagaimanapun, Red Bull®25% Kurang Gula meningkatkan prestasi kerana resipi uniknya yang menggunakan kafeina, taurina, glucuronolactone dan vitamin.



3. **Adakah sebarang kajian yang mendokumentasikan kesan Red Bull®25% Kurang Gula?**

Semua kajian yang dijalankan untuk Minuman Tenaga Red Bull® boleh juga digunakan untuk Red Bull®25% Kurang Gula.

4. **Bolehkah mereka yang memerlukan dietari khusus (contohnya diabetes) minum Red Bull®25% Kurang Gula?**

Semua ramuan Red Bull®25% Kurang Gula ditunjukkan pada tin. Orang yang memerlukan dietari khusus harus mendapatkan nasihat doktor sebelum mereka minum Red Bull®25% Kurang Gula.

Soalan-soalan Lain:

1. **Mengapa kami memperkenalkan Red Bull®25% Kurang Gula ke dalam pasaran?**

Memandangkan terdapatnya individu yang peka kesihatan dalam kumpulan sasaran di pasaran untuk produk baharu ini; Red Bull® ialah jenama global pertama untuk minuman tenaga (90% bahagian pasaran) yang memperkenalkan versi 25% kurang gula dalam pasaran, lantas memenuhi keperluan pengguna.

2. **Di manakah Red Bull®25% Kurang Gula boleh didapati?**

Red Bull®25% Kurang Gula ditawarkan di semua peruncit dagangan yang menjual Minuman Tenaga Red Bull® dan kemungkinan besar ia boleh didapati di sana.